

PERBARISAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI.— Dengan titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan satu upacara Perbarisan akan di-adakan pada hari Sabtu 11 Jun, 1966, kerana menghormati Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Queen.

Perbarisan itu akan di-adakan di-hadapan Pejabat² Kerajaan di-Bandar Brunei.

Pakaian seragam dan bintang² kehormatan hendaklah di-pakai di-mana yang berkenaan.

Tempat² dudok akan di-sediakan bagi:—

- (a) Ahli² Majlis Mashuarat dan isteri² mereka;
- (b) Ketua² Pejabat Negara dan Pegawai² dari Perkhidmatan Pertadbiran Brunei serta isteri² mereka;
- (c) Cheteria², Anak Raja², Menteri², Penghulu² dan Ketua²;
- (d) Ketua² dari Sharikat² Perniagaan;
- (e) Ketua² Kaum.

Tetamu² hendaklah duduk di-tempat² masing² pada pukul 7.30 pagi.

MAJLIS JAMUAN DI-RUMAH P.J.T.

Sementara itu Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan isteri beliau, Dayang Webber akan mengadakan satu Majlis Jamuan bagi menyambut Hari Keputeraan Baginda Queen di-halaman Rumah Pesuruh Jaya Tinggi di-antara jam 5 petang dan 6.30 petang hari Sabtu 11 Jun, 1966.

Pancharagam Pulis Diraja Brunei akan bermain di-majlis tersebut.

Y.T.M. DULI PENGIRAN PEMANCHA MERASMIKAN PEMBUKAAN PAMERAN MUZIUM BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan Pameran Muzium Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada pagi hari Ahad 22 Mei, 1966.

Dalam majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah membaca titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi mengalu²kan pameran tersebut.

Baginda bertitah bahawa sa-suatu bangsa itu di-kenali bukan dengan hanya berpandu pada apa yang boleh dilihat masa ini, bahkan hendaklah juga berpandu kepada cherita² lama atau sejarah.

Negeri Brunei, titah Baginda, ada-lah terkenal dengan sejarah gemilang-nya dan untuk membuktikan sejarah itu maka sa-buah Muzium ditubuhkan, di-mana nanti penyelidikan² akan dapat dilakukan oleh pelajar² dan ahli² sejarah kita.

Sa-terus-nya Baginda bertitah bahawa menyedari akan penting-nya sejarah lama itu, maka Kerajaan telah meluluskan satu ranchangan sa-chara besar²an yang memakan belanja berjuta² ringgit untuk membena sa-buah Muzium yang akan di-tempatkan di-kawasan Kota Batu, ia-itu kawasan yang mempunyai sejarah yang gemilang di-waktu Brunei mempunyai kawasan pemerintahan yang luas.


Terlebeh dahulu, Penyelenggara Muzium Brunei, P. M. Sharifuddin dalam ucapannya telah menyatakan dengan panjang lebar tentang pengertian muzium dan hubungannya dengan ra'ayat dan negara.

Sa-lain dari itu, beliau juga mengemukakan terima kaseh kepada dermawan² yang telah mendermakan barang² lama

mereka untuk di-simpan dalam Muzium dan kepada orang ramai beliau berharap akan dapat bekerjasama dalam usaha mengumpulkan barang² lama yang maseh banyak terpendam di-pelusok tanah ayer.

P. M. Sharifuddin menegaskan dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa tiap² negara dalam dunia masing² berkehen-

(Lihat Muka 5)



Gambar yang bersejarah ini di-ambil di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada pagi hari Ahad 22 Mei, 1966 pada masa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, selaku Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, merasmikan pembukaan Pameran Muzium Brunei. Berdiri di-selalah kanan ia-lah Penyelenggara Muzium Brunei, P. M. Sharifuddin.

KURSUS GURU² UGAMA TEMPATAN

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Kursus Sa-Tahun Guru² Ugama Tempatan yang di-langsungkan di-Dewan Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bandar Brunei, pada 21 Mei yang baru lalu.

Dalam ucapan di-majlis itu, Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menyatakan bahawa kursus tersebut adalah sa-bagai satu langkah untuk melayakkan Guru² Ugama Tempatan bagi menchapai taraf sa-bagai guru yang terlatah.

Langkah ini, kata-nya, adalah juga supaya ra'ayat Brunei akan beransor² berjejak di atas kaki sendiri dan tidak mengharap² pertolongan orang lain.

Beliau menjelaskan, ini bukan-lah berma'ana yang Guru² yang di-datangkan dari luar tidak di-kehendaki, malahan-nya tenaga yang telah di-berikan oleh mereka itu untuk memajukan pelajaran Ugama di-negeri ini ada-lah di-sanjong tinggi dan budi mereka akan tetap di-kenang.

Bagi menyelesaikan keragu²-an di-kalangan guru² yang di-datangkan dari Tanah Melayu, Pengiran Muda Dato Paduka

(Lihat Muka 5)

Yang Dipertua M.P.P. Mengucapkan Terima Kaseh Kapada Kerajaan Terhadap Bantuan2 Untok Belia2 Di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar, selaku Yang Dipertua, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh dan penghargaan atas tindakan Kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara yang telah sanggup mengorbankan peruntokan-nya bagi melengkapkan Pemimpin2 Belia di-negeri ini dengan kelengkapan yang berupa ilmu pimpinan yang sangat di-idam2kan itu.

Beliau telah melafdzkan ucapan tersebut di-Majlis Selamat Berpisah kapada empat orang Pegawai2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei yang telah di-pilih untuk menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya baru2 ini.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar menegaskan bahawa Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei juga terhutang budi atas undangan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei supaya Majlis Pemuda Pemudi itu bekerjasama dalam Pemilihan Chalonn2 untok menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya.

"Jemputan tersebut," kata beliau, "bukan sahaja kami sifatkan sa-bagai satu kehormatan kapada M.P.P., lebeh2 lagi sa-bagai satu pengakuan dan penghargaan atas segala perjuangan2 M.P.P. dalam kehidupan dan untong nasib belia2 di-seluruh pelusok Tanah Ayer.

KERJASAMA

"Dengan ini juga, saya suka menegaskan bahawa M.P.P. akan terus-menerus memberikan kerjasama-nya dalam apa jua lapangan kapada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berbudi itu dan kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia am-nya."

Selanjut-nya Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar berkata bahawa belia2 di-seluruh Tanah Ayer sedar dengan sa-penoh2-nya bahawa hanya dengan kerjasama dari semua peringkat masyarakat di-negeri ini, maka terchipta satu masyarakat Brunei yang sehat, aman-damai dan dalam kesentosa'an yang berkekalan.

Beliau telah mengucapkan tahniah kapada chalonn2 yang telah terpilih untuk menghadiri Kursus Pemimpin Belia itu, dan berdo'a sa-moga pemergian mereka itu akan mendapat hasil yang di-chita2 dan apabila mereka balek dari latehan itu nanti, akan dapat-lah mereka menchurahkan ilmu

pimpinan kapada belia2 di-Negeri Brunei ini.

DUTA2 BELIA BRUNEI

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar kemudian menasehatkan kapada Pemimpin2 Belia yang di-ra'ikan itu: "Izinkan-lah saya menyebut bahawa sa-lama Awang2 yang ke-empat2 orang berada di-luar negeri, tegas-nya di-Pusat Latehan Belia itu, Awang2 ada-lah di-sifatkan sa-bagai DUTA2 BELIA BRUNEI YANG TIDAK RASMI. Oleh itu, segala perbuatan, chipta'an dan nama baik dan buruk yang terdapat di-kalangan Awang2, ada-lah merupakan atau membayangkan keadaan belia2 Brunei keseluruhannya.

"Maka untuk menjaga nama baik dan meruah kita, saya harap dan sa-ya perchaya, Awang2 bukan sahaja akan menggunakan masa Awang2 dengan chermat dan berfaedah, bahkan juga akan menjaga meruah dan nama baik belia2 di-negeri ini."

Turut juga memberikan ucapan di-majlis tersebut ialah Dayang Zahrah binte Haji Idris, selaku Wakil Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri yang pada hari itu berada di-luar negeri.

Sa-orang lagi yang telah beruchap di-majlis tersebut ialah Awang Abdul Manaf bin Jambul. Beliau telah beruchap selaku Wakil Pegawai2 Persatuan2 Belia Negeri Brunei yang telah di-pilih oleh Kerajaan untuk menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya pada kali ini.


TAHNIAH

Dayang Zahrah binte Haji Idris telah mengucapkan tahniah kapada Pemimpin2 Belia yang di-ra'ikan di-majlis itu dan berdo'a sa-moga niat Kerajaan untuk melengkapkan belia2 di-negeri ini dengan sa-berapa yang terdaya dalam Ilmu Pimpinan, akan dapat di-chapai, demi untuk kepentingan negeri ini, yang mana kemajuan dan kemundoran-nya ada-lah bulat2 terletak di-tangan anak buah negeri ini sendiri.

PERANAN BELIA2

"Kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat-nya dengan sa-penoh menyedari betapa penting-nya peranan belia2 di-negeri ini; bukan sahaja disebabkan oleh keadaan penduduk2 Brunei yang sa-bahagian besar daripada-nya terdiri dari belia2, lebeh2 lagi kita menyedari bahawa kemajuan, kehidupan dan rupa bentuk negeri kita ini, pada masa generasi yang akan datang ada-lah terletak di-tangan mereka yang di-sifatkan sa-bagai kaum belia hari ini. Dengan kesedaran ini, berbagai2 projek latehan saperti sekolah2 dan lain2 telah di-adakan oleh Kerajaan.

"Tidak lama lagi, Pusat Belia yang memakan belanja berjuta2 ringgit itu akan dapat kita gunakan sa-bagai satu kemudahan untok belia2 di-seluruh Tanah Ayer. Berthabit dengan kesedaran ini juga-lah maka pihak Kerajaan, melalui Jabatan saya, berusaha untok memberi latehan kapada belia2, sama ada yang berupa seminar atau perhimpunan dan latehan ka-saberang laut saperti yang sedang di-selenggarakan di-Amerika pada masa ini dan sekarang pula di-Tanah Melayu," kata lagi Dayang Zahrah.



Y.B. AWANG ABDUL AZIZ UMAR

28 ORANG BELIA BERLATEH DI-MALAYA TAHUN INI

Seterus-nya Dayang Zahrah menerangkan bahawa Kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, akan menghantar sa-jumlah 28 orang Pemimpin2 Belia dalam tahun ini, ia-itu empat orang Pemimpin2 Belia dari Negeri Brunei akan di-hantar untok menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya pada tiap2 kali.

Ini-lah rombongan pertama Pemimpin2 Belia dari Negeri Brunei di-hantar oleh Kerajaan untok menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya.

Dayang Zahrah berharap dan perchaya pihak belia2 di-seluruh Tanah Ayer akan mengambil peluang penoh dalam kesempatan yang di-berikan ini dan akan menggunakan masa mereka dalam latehan itu dengan chara2 yang berfaedah supaya latehan2 itu akan dapat di-pergunakan demi untok kepentingan masyarakat kita keseluruhannya.

Menghadhiri Kursus Pemimpin2 Belia Di-Malaya

BERAKAS. — Sa-rombongan empat orang Pegawai2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Juma'at 20 Mei, 1966, untok menghadiri Kursus Pemimpin Belia atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Kursus tersebut di-adakan di-Selangor sa-lama tiga minggu mulai pada 23 Mei, 1966.

Pegawai2 Persatuan2 Belia itu ada-lah saperti berikut:

Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu, Setia Usaha Agong, Persatuan Belia Bandar Brunei.

Awang Abdul Manaf bin Jambul, Yang Dipertua, Persatuan Belia Sengkuning.

Awang Zaini bin Md. Daud, Penulong Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan, Persatuan Pemuda Penanjong.

Awang Yazid bin Ibrahim, Yang Dipertua, Persatuan Pemuda Pemudi Temburong.

Di-antara ramai orang yang telah mengucapkan Selamat Menghadhiri Kursus Pemimpin Belia kapada Pegawai2 Belia tersebut di-Lapangan Terbang Berakas tengah hari tersebut ialah Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar dan Setia Usaha Agong-nya, Awang Yahya Mohamed Yusof.

Berbakti-lah Kapada Negara
Dengan Menggunakan
BAHASA MELAYU
Pada Sa-tiap Masa

Peraduan Bachaan Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Uagama Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Satu Peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Uagama Daerah Belait telah di-langsungkan dengan meriah-nya di-Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait baru2 ini. Peraduan ini ia-lah untuk memilih wakil2 dari Daerah Belait ka-peringkat Negeri dalam kedua2 pertandingan.

Sa-belum itu, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menggesa murid2 supaya menumpukan tenaga dan mengambil berat tentang pelajaran2 sama-ada pelajaran keduniaan 'am-nya dan khas-nya Pelajaran2 Uagama.

Beliau juga telah memberikan penghargaan tentang galakkan daripada ibu bapa dan Jawatankuasa Peraduan itu kerana memberikan kerjasama dan sumbangan derma kepada Jawatankuasa Peraduan yang berlebehan daripada tahun sudah. Uchapan itu di-lafazkan-nya semasa merasmikan peraduan tersebut.

Pengerusi Peraduan Membacha Al-Koran/Sharahan, Awang Mahalle Hj. Abdullah, Pemeriksa Sekolah2 Uagama Daerah Belait juga turut memberi ucapan dengan mengharapka kepada ibu bapa supaya menjaga masa kanak2 di-rumah masing2 untuk memenohi pelajaran anak2 mereka supaya masa kanak2 itu tidak terbuang dan dengan demikian akan dapat di-berikan kerjasama dalam bidang pelajaran kepada guru2. Mudah2an dengan demikian tambah beliau, murid2 akan dapat kejayaan dalam pelajaran mereka.

Sa-terus-nya beliau mengatakan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan peluang kepada murid2 untuk menuntut pelajaran dengan seluas2-nya dalam peringkat rendah, menengah dan tinggi dalam beberapa bidang, hanya terserahlah kepada ibu bapa dan murid2 itu berlumba2 mengambil peluang yang di-beri itu supaya

ya tidak ketinggalan oleh bangsa2 lain dalam kemajuan pelajaran.

Turut juga memberi ucapan penerangan ia-lah Pengerusi Jema'ah Hakim, Awg. Abd. Aziz bin Malim.

KEPUTUSAN

Keputusan2 Peraduan ada-lah saperti berikut:

BAHAGIAN KORAN LAKI2:

Johan: Shafie bin Marani, dari Sekolah Uagama A. Abell, Seria; Kedua: Muhamed bin Salleh, dari S. U. Mohd. 'Alam, Seria; Ketiga: Junaid bin Sabtu, dari S. U. Tumpuan Telisai.

BAHAGIAN KORAN PEREMPUAN:

Johan: Zakiah bte. Naim, dari S. U. A. Tajuddin, Kuala Belait; Kedua: M. Mariah bte. M. Othman, dari S. U. Anthony Abell, Seria; Ketiga: Sarah bte. Lahit, dari S. U. Tumpuan Telisai.

BAHAGIAN SHARAHAN LELAKI:

Johan: Sarkawi bin Basri, dari Sekolah Uagama Mohd. Alam; Kedua: Hadzir bin Hj. Hassan, dari S. U. A. Tajuddin, Kuala Belait; Ketiga: Hamzah bin Othman, dari S. U. Labi.

BAHAGIAN SHARAHAN PEREMPUAN:

Johan: Fati-mah bte. Linap, dari S. U. Mohd. Alam, Seria; Kedua: Jamaliah bte. Muhammad, dari S. U. A. Tajuddin, Kuala Belait; Ketiga: Rafiah bte. Sahari, dari S. U. Labi.

Johan dan Naib Johan Bahagian Koran Lelaki/Perempuan akan di-hantar mewakili Daerah Belait ka-Pertandingan Peringkat Negeri yang akan di-adakan dalam bulan Julai hadapan.

Johan Sharahan Lelaki/Perempuan juga akan mewakili daerah ini ka-Pertandingan Peringkat Negeri kelak.

Beberapa orang telah di-jemput oleh majlis memberikan hadiah2 kemenangan, termasuklah Yang Mulia Pegawai Daerah Belait Pg. Momin bin Pg. Haji Ismail dan Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh. Majlis itu di-saksikan oleh para ibu bapa anak2 sekolah dan kaum Islam Daerah Belait kira2 700 orang.

Majlis berakhir kira2 jam 12.00 tengah malam dengan bachaan Do'a Selamat oleh Khatib Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Zainal bin Idris.

MAJLIS2 SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI.—Badan Penerangan Uagama Islam Negeri Brunei akan mengadakan Majlis2 Sharahan Uagama dan Pertunjokkan Wayang Gambar di-tempat2 yang di-bawah ini pada tarikh2 yang berikut:

25 Mei: Di-Kampung Kenoa, Daerah Temburong. 28 Mei: Di-Kampung Sengkuring "A" — Rumah Awang Haji Metussin dan pada 30 Mei di-Kampung Saba Darat — Rumah Awang Haji Seruddin bin Abdullah. Tiap2 majlis itu di-mulai pada jam 7.30 malam.

PENGURNIAAN WANG TAMBANG DARI KERAJAAN KERANA MENUNAIKAN FARDZU HAJI

PEGAWAI2 KERAJAAN yang berhak untuk mendapat pengurniaan wang tambang kerana menunaikan Fardzu Haji menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan No. 40/1961 ada-lah sekarang di-jemput untuk mengemukakan permohonan2 mereka bagi di-pertimbangkan untuk mendapat pengurniaan sa-demikian bagi musim Haji 1967.

Permohonan2 hendak-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 30 Jun 1966 dan layanan tidak akan di-beri kepada permohonan2 yang di-terima selepas tarikh tersebut.

Segala permohonan2 hendak-lah di-hantarkan dengan melalui Ketua2 Jabatan masing2, siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan berserta dengan laporan2 mereka yang lengkap mengenai pemohon2.

70 Orang Baru Di-Kehendaki Untuk Berkhidmat Dalam Askar Melayu Diraja Brunei

LEBEH KURANG 70 orang baru ada-lah di-kehendaki untuk berkhidmat dalam **ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI** mulai pada awal bulan Ogos tahun ini.

Umor —Di-antara 18 dan 25 tahun. Belum berkahwin.

Tinggi —Tidak kurang dari 5 kaki.

Bangsa —Bangsa Melayu dan ra'ayat Negeri Brunei.

Kelulusan—Pelajaran yang baik ada-lah berguna, tetapi tidak di-mestikan. Bagaimana pun, sukarelawan2 mestilah lulus suatu ujian akal yang senang.

Tempat, Tarikh dan Masa Temu Duga—

(a) Di-Askar Melayu Di-Raja Brunei Perkhemahan Bahagian Bangar bagi sukarelawan2 dari Daerah Temburong. Hari Khamis 26 Mei — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari.

(b) Di-Perkhemahan A.M.D.B., Berakas Brunei bagi sukarelawan2 dari Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong. Hari Rabu 1 Jun — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari dan dari jam 2 petang sampai 4-30 petang. Hari Khamis 2 Jun — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari. Makan Tengah Hari boleh di-beri dalam Perkhemahan Berakas untuk sukarelawan2 yang tinggal lebih dari 20 batu daripada Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.

(c) Di-Dewan dan Bilek Bachaan Awam, Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait bagi sukarelawan2 dari Daerah Belait. Hari Ithnin 6 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari dan dari 2 petang sampai 4-30 petang. Hari Thalatha 7 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari.

Penerangan Lanjut — Sukarelawan2 yang berkehendakan penerangan sa-lanjut-nya boleh-lah menulis kepada Pegawai Pemereintah, Kompeni Latehan, Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas, Brunei.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Mei, hingga ka-hari Selasa 31 Mei, 1966, ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
26	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
27	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
28	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
29	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
30	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
31	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Perasaan Kechewa Dan Kesal Menyebabkan Dua Orang Ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara Yang Telah Di-Haramkan Menyerah Diri Di-Pekan Bangar Daerah Temburong

BANDAR BRUNEI. — Dua orang ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara yang telah diharamkan itu, yang merasa sangat kechewa dan penoh keinsafan telah menyerah diri, dengan bantuan dari ibu bapa serta keluarga mereka, ka-Balai Pulis Di-Raja Brunei di-Pekan Bangar, Daerah Temburong, pada hari Sabtu 14 Mei, 1966.

Mereka ia-lah Ambar anak Bana berumur 26 tahun dan Ranggau anak Beliang berumur 24 tahun.

Kedua2-nya lengkap dengan senjata api, berasal dari Kampong Batang Duri ia-itu sebuah Kampong Kechil di-Ulu Temburong, telah berjaya melarikan diri dari sabuah Pekan yang bernama Wailaya di-Kalimantan Indonesia, di-mana mereka berada sejak awal tahun 1965.

Ambar anak Bana, menerangkan bahawa dia telah pergi ka-Pekan Wailaya di-perbatasan Kalimantan Indonesia dalam bulan Januari 1962. Tetapi apakala merasai berbagai penderitaan dan kesulitan dia telah chuba melarikan diri dalam bulan April 1962. Dia hanya dapat lari setakat Kampong Merapok, Sabah, di-mana dia telah di-paksa oleh Azahari supaya balek semula ka-Kalimantan Indonesia.

Ranggau anak Beliang pula telah pergi ka-Pekan Wailaya, Kalimantan Indonesia, dalam bulan April, 1962.

Mereka menerangkan semasa berada di-Pekan Wailaya, mereka terpaksa mengalami berbagai2 kesusahan, dan merasa sangat kechewa dan menyesal akan perbuatan2 mereka. Akhirnya mereka telah mengambil keputusan, kerana tidak sanggup lagi menderita di-sana lebeh lama, dan melarikan diri dalam bulan September, 1964.

Dengan merempoh hutan2 tebal, paya dan bukit bukau, kerana tidak berani mengikuti jalan2 rimba yang tertentu, dan terpaksa bersembunyi di-beberapa tempat untuk menjauhkan diri dari bahaya, maka kira2 pada penghujung tahun 1965 mereka sampai di-kawasan Bukit Belalong di-Ulu Temburong.

Oleh sebab takut akan keselamatan diri mereka, mereka telah bersembunyi di-kawasan yang luas dan terpenchil itu — hidup dengan memakan apa2 saja yang mereka perolehi.

Tetapi oleh sebab tidak tahan dengan penghidupan yang

siasia dan dengan desakan perasaan yang sangat kechewa, maka pada hari Rabu 14 Mei, 1966, mereka telah keluar dari persembunyian dan tiba ka-Kampong Batang Duri dan terus menemui ibu bapa dan keluarga mereka yang telah menasehatkan mereka supaya segera menyerah diri pada pihak Kerajaan.

Maka dengan bantuan keluarga mereka itu-lah, mereka menyerah diri ka-Balai Pulis Di-Raja Brunei di-Pekan Bangar, berserta dengan senjata api mereka, ia-itu selaras Owen Gun, selaras Garrand

Rifle, sebutir bom tangan dan 187 butir peluru.

Ibu bapa mereka bukan saja merasa gembira oleh kerana mereka akan dapat menerima hadiah mengikut dasar2 Kerajaan, tetapi sangat sukachita bahawa anak2 mereka berada dalam keadaan selamat dan mereka telah sedar akan kesalahan mereka.

Ambar dan Ranggau juga menyatakan perasaan sukachita mereka kerana telah selamat dari segala bahaya dan dapat bertemu semula dengan ibu bapa dan keluarga mereka, dengan penoh keinsafan dan

menyadari bahawa selama ini mereka telah di-perdayakan oleh Azahari.

Kini mereka berazam akan membuat penghidupan baru dan berguna serta memberikan kerjasama dan ta'at setia yang tidak berbelah bagi pada Negeri Brunei dan Kerajaan D.Y. M.M. Maulana Al-Sultan.

Mereka yakin bahawa mereka akan menerima layanan yang sebaik2-nya dengan penoh keadilan dari Kerajaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei.

Penyasatan2 sedang dijalankan oleh Pihak Pulis Di-Raja Negeri Brunei.



KIRI: Ambar anak Bana, berumur 26 tahun. **KANAN:** Ranggau anak Beliang, berumur 24 tahun.

46 Orang Murid2 Sekolah2 Ugama Di-Daerah Belait Menerima Sijil2 Kejayaan Tamat Pelajaran

KUALA BELAIT. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan Sijil2 Kejayaan Darjah VI kepada seramai 46 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama di-Daerah Belait yang telah memperolehi kejayaan dalam Tahun 1963 dan 1964.

Majlis tersebut telah diadakan di-Dewan Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait pada pagi hari Khamis 19 Mei, 1966.

Ramai Guru2 Ugama lelaki dan perempuan di-Daerah Belait serta juga beberapa orang para jemputan telah hadir di-majlis tersebut.

Majlis itu di-buka dengan Bacaan Al-Koran oleh Dayang Zakiah binte Naim, Johan Bachaan Al-Koran Murid2 Perempuan Daerah Belait bagi tahun ini.

Sa-belum menyampaikan Sijil2 tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah memberikan ucapan yang panjang-mengandungi nasihat2 yang berfaedah kepada Guru2 Ugama di-negeri ini serta mengenai berbagai2 kemajuan yang telah di-chapai oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dalam berbagai2 lapangan dan sebagainya.

Di-antara-nya yang telah berucap di-majlis tersebut ia-lah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamed Salleh bin Hidup, selaku Wakil Pegawai Daerah Belait; Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Brunei, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, bagi pehak Penyusunan dan Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan; Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Awang Mahalle bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Perjumpaan Guru2 Ugama tersebut; Awang Omar bin Ismail, selaku Wakil Guru2 Lelaki Sekolah2 Ugama di-Daerah Belait; Chegu Dayang Halimah binte Haji Mohammad, selaku Wakil Guru2 Perempuan Sekolah2 Ugama di-Daerah Belait dan oleh Setia Usaha majlis tersebut, Chegu Sa'ad bin Abdul Rashid, Guru Besar Sekolah Ugama Muhammad Alam, Setia.

Murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama Muhammad Alam dan Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dibawah pimpinan Guru Pengawas Nashid Sekolah2 Ugama Negeri Brunei Ustadz Abdul Kadir bin Awang, telah bernashid di-majlis tersebut.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kelihatan menyampaikan Sijil Tamat Pelajaran Darjah VI Sekolah Ugama kepada sa-orang murid perempuan dari Daerah Belait bertempat di-Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait pada pagi hari Khamis yang lalu.

Pembukaan Pameran Muzium Brunei

(Dari Muka 1)

dakkan kemajuan dan membentok-nya mengikut pertumbuhan negara itu.

Chita2 itu akan hanya terchapai, kalau mempunyai latar belakang yang menjadi asas pembentokan itu. Latar belakang itu ia-lah SEJARAH kata beliau.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa "Gambaran Sejarah" yang telah di-telan oleh Zaman ini, akan di-lukiskan sa-mula supaya dapat di-lihat serta di-ketahui dan supaya orang ramai memberikan kerjasama untuk mengembangkan dan memajukan negara ini — Itu-lah sebab-nya Kerajaan mengadakan Muzium untuk menyelidik dan mengumpulkan bahan2 yang menjadi ASAS PEMBENTOKAN NEGARA DAN BANGSA itu.

Kalau-lah negara itu tidak dapat di-kesan latar belakang sejarah-nya, maka pembangunan sejarah bangsa dan negara itu, terpaksa di-mulakan asas pembangunan dari mula pembentokan-nya sampai dari masa kita membangun-nya.

Usaha2 itu di-jalankan, bukan sahaja dengan mengesan BEKAS2 SEJARAH dan mengumpulkan barang2 lama, akan tetapi juga cerita2 yang mengandungi KEBUDAYAAN ASLI yang di-kumpulkan untuk menjadi bahan pembacaan.

Tujuan yang sa-benar-nya mengumpulkan barang2 purba itu, kata beliau lagi, ia-lah untuk di-pertunjukkan kepada orang ramai terutama sekali kepada pelajar2 yang mempelajari atau mengkaji sejarah.

SURATAN SEJARAH

Dengan ada-nya barang2 ini, maka Suratan Sejarah yang sudah berchamping2 itu akan dapat di-temu2kan untuk menjadi satu bacaan yang merupakan satu Cerita Sejarah.

Dari cerita ini-lah kita akan dapat ilham dan pandangan untuk pembangunan negara kita. Dari itu-lah sebab-nya pehak Muzium sangat berusaha mengumpulkan cerita2 lama dan sejarah yang mungkin nanti tidak akan dapat di-nilai harganya.

Oleh yang demikian, Penyelenggara Muzium Brunei itu telah menyeru kepada seluruh rakyat di-Negeri Brunei ini supaya

ya menghantarkan barang2 lama mereka yang maseh ada dalam simpanan masing2 sebagai satu persembahan yang suci murni kepada bangsa dan negara kita. Kalau banyak persembahan ini, berarti lebeh banyak lagi gambaran yang kita peroleh atas sejarah negara kita yang silam.

Kira2 500 jenis barang2 lama yang di-perbuat dari tembaga, kayu, kain dan anyaman serta juga sulam2an chara lama telah di-tunjukkan di-pameran tersebut.

Antara yang menarik perhatian ramai dalam pameran itu, ia-lah bentuk baju yang di-pakai oleh Ong Sum Ping dalam Sejarah Brunei Tua, yang luas bidang dada-nya hampir2 tiga kaki.

Di-antara para hadirin di-majlis pembukaan rasmi Muzium Brunei pada pagi hari Ahad yang lalu ia-lah Pemang-

ku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed; Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Yang Berhormat, Penulong2 Menteri; Ahli2 Majlis Mashuarat Diraja, Negeri dan Daerah, Ketua2 Pejabat serta para pembesar negara.

Dua orang tetamu khas dari luar negeri telah juga hadir di-majlis tersebut. Mereka ia-lah Dayang Barbara Harrison, isteri Penyelenggara Muzium Sarawak, Awang Tom Harrison dan Penulong Penyelenggara Muzium Sabah, Awang Michael Chong.

Kursus Guru2 Ugama Tempatan

(Dari Muka 1)

Kemaluddin menjelaskan, masa ini dan hingga ka-beberapa waktu ke hadapan, mereka tidak perlu khawatir akan kedudukan mereka yang ada sekarang, kerana tenaga mereka maseh lagi di-perlukan oleh Negeri Brunei.

Beliau menyatakan lagi, masa ini jumlah murid2 yang belajar di-sekolah2 Melayu lebeh dari 17,000 orang sedangkan guru2 Ugama yang mengajar hanya berjumlah kira2 300 orang sahaja.

TENAGA GURU2 UGAMA

"Ini menunjukkan yang tenaga Guru2 Ugama yang di-datangkan dari Tanah Melayu itu maseh lagi di-kehendaki hingga beberapa tahun akan datang di-samping Kerajaan mengharap-kan supaya banyak jawatan2 itu di-penhokan oleh rakyat Brunei sendiri."

Sementara itu, Pemangku Kadzi Besar Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin menyatakan dalam majlis itu bahawa kursus itu di-adakan adalah berkat kerjasama dari Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Beliau juga menyebut bahawa untuk memadatkan lagi inti sari dalam kursus itu, Pengetua

Maktab Perguruan Melayu Brunei telah memberikan kerja sama dengan meminjamkan dua orang pensharah2-nya yang akan memberi kuliah dalam dua mata pelajaran ia-itu Ilmu Pendidikan dan Ilmu Jiwa.

Turut memberikan ucapan di-majlis ia-lah Penulong Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking yang antara lain mengharap-kan agar supaya kursus itu memperolehi kejayaan yang di-maksudkan.

Di-samping itu, Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan telah menyeru kepada orang2 yang baharu memelok Ugama Islam, khas-nya puak2 Dusun supaya benar2 ta'at pada ajaran2-nya.

UGAMA RASMI NEGARA

Beliau menyatakan bahawa Ugama Islam ada-lah Ugama rasmi negara yang juga merupakan Ugama untuk kemajuan dan kemakmoran.

Kursus bagi guru2 tempatan yang tidak terlatih untuk melayakkan mereka menjadi guru terlatih itu telah di-ambil bahagian oleh 50 orang guru2 Ugama dari sekitar tanah ayer.

Turut hadir di-majlis itu termasuklah Pegawai2 Kanan Jabatan Pelajaran Negara Brunei, Nazir2 Sekolah2 Ugama daerah2 dan guru2 ugama.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Ketua Jururawat Kesehatan

DI-PEJABAT HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 Ketua Jururawat Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei (3 jawatan kosong).

Tugas2 jawatan ini termasuklah menjaga Perkhidmatan Kesehatan Ibu2 dan Anak2 di-sebarang daerah di-Negeri ini.

Kelayakan2:

- (i) Lulus S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.
- (ii) Mesti lulus dan mempunyai Sijil Peperiksaan bagi Pelawat Kesehatan.
- (iii) Kalau boleh hendaklah pandai bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji: Dalam sukatan BW1 \$1020x40 - 1220 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji pujukkan akan di-bayar sekiranya berhak menurut Peratoran2.

JURU TEKNIK MA'MAL

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi dua jawatan kosong sebagai Juru-teknik Ma'mal Terlatih di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah telah menajalani latihan di-Institute of Medical Research Kuala Lumpur selama sekurang2nya 3 tahun, atau mendapat latihan yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah mempunyai sijil2 atau diploma Juruteknik Ma'mal Terlatih.

Gaji: Dalam sukatan \$380x20 - 480 / EB / 500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama.

Pemeriksa Tali Ayer Dan Parit2

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pemeriksa Tali Ayer dan Parit2 di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja tali ayer dan parit selama sekurang2nya lima tahun, lulus Form III Ingeris dan boleh berbahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang tahu kerja ukur mengukur.

Gaji: Dalam sukatan D.1-2 EB 3 \$210x10-270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Jun, 1966.

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESEHATAN

ma. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 4 Jun, 1966.

Sharat2 Lantekan: Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Hal Ehwat Ugama, Brunei: —

1. PENGETUA SEKOLAH UGAMA PEREMPUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman —

- (a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun.
- (b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- (c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;
- (d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

2. PENGETUA MAKTAB PERGURUAN.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- (b) Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- (c) Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari 5 tahun;
- (d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kebolehan dan pengalaman.

3. GURU SEKOLAH ARAB (PEREMPUAN).

Kelayakan2 dan Pengalaman—

- (a) Umor di-antara 30 tahun dan 45 tahun;
- (b) Memegang Ijazah dari mana2 University Islam

Kerani Tingkat Khas di-Pejabat Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Kerani Bahagian "B1" Tingkat Khas di-Pejabat Buroh, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburohan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 berkaitan dengan Pertubuhan Buroh Antara Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

Gaji: Dalam sukatan CI EB2 \$570x30 - 630-EB/660x30 - 900.

Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Jun, 1966.

yang di-akui atau pun memegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

(c) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidekan dan mempunyai Diploma Pendidekan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$660x30 - 900 atau \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: — Bagi jawatan2 Pengetua Sekolah Ugama Perempuan dan Pengetua Maktab Perguruan, chalon2 yang di-pileh akan di-ambil berkhidmat sechra berkontrek selama tiga tahun.

Bagi jawatan Guru Sekolah Arab (Perempuan) Chalon2 yang di-pileh akan di-ambil berkhidmat sechra berkontrek selama tiga tahun termasuk masa enam bulan yang pertama sebagai dalam perhubungan.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang dan lain2nya, boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 Mei, 1966.

Sharat2 Lantekan: Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 Mei, 1966.

PERLAWANAN TINJU KEJOHANAN SA-DUNIA:

Mohamed Ali Mengalahkan Henry Cooper Dalam Pusingan Ke-Enam Ketika Muka Cooper Berlumuran Dengan Darah

LONDON.—Johan Tinju Sa-Dunia Bahagian "Heavyweight", Cassius Clay yang telah memelok Uagama Islam dengan menggunakan nama Mohamed Ali, telah dapat mempertahankan gelaran Kejohanan - nya apabila ia mengalahkan Johan Tinju British Bahagian "Heavyweight", Henry Cooper dalam pusingan ke-enam dari 15 pusingan yang di-jadualkan.

Perlawanan tinju yang hebat itu telah di-langsungkan di-Gelanggang Bola Sepak Arsenal, London, pada malam Ahad yang lalu dengan di-saksikan oleh berpuluh2 ribu orang penonton.

Pengadil perlawanan tinju itu terpaksa memberhentikan perlawanan tersebut dalam pusingan yang ke-enam, kerana pada masa itu muka Henry Cooper telah berlumuran dengan darah yang menchurahkan turun dengan banyak - nya dari mata kiri Cooper, ia-itu

akibat tumbukan Mohamed Ali yang begitu kuat.

Kedua orang ahli tinju yang terkenal itu telah bertemu semula pada kali yang kedua pada malam tersebut. Kali yang pertama mereka berlawan ia-lah tiga tahun dahulu. Pada masa itu, Mohamed Ali, dari Amerika, telah mengalahkan Henry Cooper dalam pusingan yang ke-lima dari 15 pusingan yang di-jadualkan.

CHATETAN: Ini-lah kali yang ke-empat Mohamed Ali mempertahankan gelaran Kejohanan Tinju Sa-Dunia Bahagian "Heavyweight" sa-lepas ia berjaya merebutkan gelaran Kejohanan Tinju Sa-Dunia itu dari Sonny Liston dalam bulan Februari tahun 1964. Mohamed Ali telah menang kesemua perlawanan tinju sa-banyak 24 kali.

Keputusan Perlawanan Olah Raga Antara P.G.G.M.B. Dengan Pasokan2 Sandakan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan persahabatan Rombongan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan pasokan2 di-Sandakan, Sabah, Malaysia, yang telah berlangsung pada minggu lalu, ada-lah seperti berikut:

PADA 15 MEI, 1966

- Jam 8.00 pagi: **Sepak Raga Jaring** — Berlawan dengan Pasokan Persatuan Angkatan Baru Bahagian Kampung Karamunting. Keputusan-nya Pasokan P.G.G.M.B. menang dengan 4—1.
- Jam 9.00 pagi: **Bulu Tangkis** — Berlawan dengan Pasokan Champoran Sandakan. Keputusan-nya Pasokan P.G.G.M.B. menang dengan 4—3.
- Jam 3.00 petang: **Hoki (Le-laki)** — Berlawan dengan Pasokan Champoran Sandakan. Keputusan-nya Pasokan Sandakan menang dengan 9 gol tidak berbalas.
- Jam 4.00 petang: **Hoki (Perempuan)** — Berlawan dengan Pasokan Champoran Sandakan. Keputusan-nya Pasokan Sandakan menang dengan 4 gol berbalas 1.
- Jam 4.45 petang: **Bola Sepak** — Berlawan dengan Pasokan Melayu Sandakan. Keputusan - nya Pasokan Sandakan menang dengan 5 gol berbalas 1.

PADA 16 MEI, 1966

- Jam 3.00 petang: **Sepak Raga Jaring** — Berlawan dengan Pasokan Persatuan Angkatan Baru Sandakan. Keputusan - nya Pasokan Sandakan menang dengan 4—1.
- Jam 4.45 petang: **Bola Sepak** — Berlawan dengan Pasokan Champoran Sandakan. Keputusan-nya perlawanan itu seri dengan tiada beroleh gol.

PADA 18 MEI, 1966

- Jam 9.00 pagi: **Sepak Raga Jaring** — Berlawan dengan Pasokan Askar Peninjau Malaysia. Keputusan-nya Pasokan Askar Peninjau Malaysia menang dengan 4—1.
- Jam 4.45 petang: **Hoki (Le-laki)** — Berlawan dengan Pasokan Melayu Sandakan. Keputusan-nya perlawanan seri, ia-itu 1 gol berbalas 1. Berita tersebut di-susun oleh Awang Md. Husain bin Zainal.

Ketetapan Masa Bertanam Padi — 1966-67 Di-Daerah Tutong

(A) PADI PAYA (SAWAH)

Bilangan	Kawasan/Kampung	Turun Ka-Sawah	Penghabisan Menyemai	Mulai Bertanam	Penghabisan Bertanam
1.	Telamba/Telisai	20-6-66	30-6-66	15-7-66	15-8-66
2.	Tg. Maya/Bt. Udai	1-8-66	12-8-66	8-9-66	22-10-66
3.	Penanjong/Keriam	10-7-66	1-8-66	1-9-66	15-10-66
4.	Simbatang/Sinaut	10-7-66	1-8-66	1-9-66	15-10-66
5.	Mara Burong/Kupang	10-7-66	1-8-66	1-9-66	15-10-66
6.	Birau/Kebia	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
7.	Bakiau/Kiudang	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
8.	Sg. Beruang/Pat. Nunok, Batu 8 Jalan Lamunin	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
9.	Lamunin/Bt. Sulang	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
10.	K. Abang/ Layong	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
11.	Ukong/Rambai	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66
12.	Benutan/Belabau	25-7-66	15-8-66	15-9-66	30-10-66

(B) PADI TUGAL (HUMA)

Bilangan	Kawasan/Kampung	Mulai tebas/ Tebang	Penghabisan Membakar	Mulai Menugal	Penghabisan Menugal
1.	Telamba/Telisai	1-6-66	20-7-66	1-8-66	30-9-66
2.	Bt. Panggal/Sinaut	1-8-66	15-8-66	31-8-66	15-9-66
3.	Batu 20/Luagan Timbaran	1-8-66	15-8-66	31-8-66	15-9-66
4.	Mara Burong/Kupang	1-6-66	15-8-66	1-9-66	30-9-66
5.	Birau/Kebia	15-6-66	25-8-66	1-9-66	30-9-66
6.	Btg. Mitus/Kiudang	1-7-66	25-8-66	1-9-66	30-9-66
7.	Sg. Beruang/Pat. Nunok, Batu 8 Jalan Lamunin	1-7-66	25-8-66	1-9-66	30-9-66
8.	Lamunin/Bt. Sulang	1-6-66	20-7-66	1-8-66	30-9-66
9.	Sg. Damit/Bt. Udai	1-6-66	20-8-66	25-8-66	30-9-66
10.	Layong/Ukong	1-6-66	20-7-66	1-8-66	30-9-66
11.	Rambai/Bukit	1-7-66	25-8-66	1-9-66	30-9-66
12.	Benutan/Belabau	1-7-66	25-8-66	1-9-66	30-9-66

PERINGATAN KHAS.

- Keperluan.** Semua paya (Sawah) baik bergerak mau pun berlaisen (TOL), asalkan bertuan, wajib-lah mengusaha hingga memuaskan hati Pegawai Kerajaan yang bertanggung jawab.
- Kebersehan.** Segala parit, Tali Ayer dan rumput2 dalam kawasan dan berhampiran, mesti-lah di-bersehan terlebih dahulu, yang mana di-kelolakan oleh Penghulu/Ketua kampung masing2 hingga memuaskan hati Pegawai2 dari Pejabat Pertanian.
- Kerbau.** Penangkapan patut-lah di-mula-kan pada 1-7-1966 untuk membuat kerja (Menjejak) di-tempat mereka masing2.
- Pagar.** Mustahak di-buat atau di-baiki chukop kuat hingga memuaskan hati kapada Penghulu/Ketua kampung serta Pegawai2 yang berkewajipan.
- Peratoran.** Mengikut kuat kuasa yang di-beri oleh Bab 9(4) & 31(2) (VII) dalam Undang2 Tanah Pangkal 40 Tahun 1909. Mengatakan: "Barang siapa di-dapati yang tidak menurut peratoran2 ini maka dia akan di-da'awa dalam Mahkamah kelak".

1983 ORANG MENGUNJONGI KA-PAMERAN MUZIUM KELEMARIN

GAMBAR KANAN: Gambar ini di-ambil sa-belum Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha di-junjongi untuk merasmikan pembukaan Pameran Muzium Brunei di Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 22 Mei, 1966. Dudok dari kanan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Penyelenggara Muzium Brunei, P. M. Sharifuddin dan Pemangku Menteri Besar Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

GAMBAR TENGAH: Di-antara para hadirin di-majlis pembukaan rasmi Pameran Muzium Brunei kelihatan semasa menyaksikan pameran tersebut.

GAMBAR BAWAH: Gambar ini di-ambil sa-belum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha merasmikan pembukaan Pameran Muzium Brunei.



BANDAR BRUNEI. — Pameran Muzium Brunei yang telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Maulana Al-Sultan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada hari Ahad yang lalu telah di-kunjongi oleh ramai para jemputan pada hari tersebut.

Sementara itu Penyelenggara Muzium Brunei, P. M. Sharifuddin berkata lewat petang kelemarin bahawa sa-jumlah 1983 orang dari berbagai2 bangsa telah mengunjongi ka-Dewan Kemasharakatan kelemarin apabila Pameran Muzium itu di-buka kepada orang ramai.

Hari dan masa pameran tersebut di-buka kepada orang ramai ada-lah saperti berikut:

Tiap2 hari Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu: Dari jam 9.30 pagi hingga ka-jam 12 tengah hari dan dari jam 2 petang ka-jam 5.30 petang.

Tiap2 hari Juma'at dan Ahad: Dari jam 9 pagi hingga ka-jam 11 tengah hari dan dari jam 2.30 petang hingga ka-jam 5.30 petang.

Pameran Muzium tersebut ditutup pada tiap2 hari Ithnin.

Jadual Perlawanan Bola Sepak Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jadual perlawanan bola sepak di-Padang Besar, Bandar Brunei mulai pada hari ini hingga ka-penghujung bulan ini ada-lah saperti berikut:

Hari ini: Sungai Kebun melawan Kubu. Esok: Belia Sengkong melawan Burong Pingai. 27 Mei: Persatuan 3PKA melawan Perkasa. 28 Mei: Sumbiling "B" melawan Sumbiling "A". 30 Mei: Sungai Kedayan melawan Belia Berakas. 31 Mei: Sultan Lama "A" melawan Sungai Kebun.

Perlawanan Bola Sepak tersebut di-adakan di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kekolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.